

## **BAHAGIAN I**

### **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

#### **Perkara Utama**

##### **Apa yang diaudit?**

- Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak tahun 2022 mengandungi Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dilaksanakan selaras dengan Perenggan 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

##### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

##### **Apa yang ditemui Audit?**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.



## BAHAGIAN I

### PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

#### FAKTA UTAMA

<b>1 Januari 2022 – 31 Disember 2022</b> Tahun kewangan Kerajaan Negeri	<b>31 Julai 2023</b> Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	<b>19 April 2023</b> Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
<b>Komponen Penyata Kewangan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyata Kedudukan Kewangan</li><li>• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai</li><li>• Penyata Prestasi Kewangan</li><li>• Penyata Akaun Memorandum</li><li>• Nota Kepada Penyata Kewangan</li></ul>	
<b>Jenis Pendapat Audit</b>	Pendapat Tanpa Teguran	

#### 1. PENDAHULUAN

1.1. Subseksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berdasarkan perakaunan tunai ubah suai.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 kepada Jabatan Audit Negara pada **19 April 2023**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2022 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2022. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain seperti bayaran amanah.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan. Maklumat tambahan juga dinyatakan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

## **2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama. Rekod perakaunan yang berkaitan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2022. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Pejabat Kewangan Negeri Perak dan jabatan-jabatan negeri melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Mesyuarat Penutup bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pegawai Kewangan Negeri dan ketua-ketua jabatan negeri telah diadakan pada **14 Ogos 2023**.

### **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan piawaian pengauditan yang diluluskan serta International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan, salah nyata dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2022 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan seperti dalam **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

